KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad (KOPERKASA) adalah sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 pada 6 September 1949. Selaras dengan perkembangan Koperasi ini, kami mempelawa calon berwarganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan seperti berikut:

Jawatan	:	**KERANI**
Taraf Jawatan	:	**Tetap** Calon dilantik akan melalui tempoh percubaan sekurang-kurangnya 1 tahun sebelum dipertimbang untuk disahkan dalam jawatan (pelantikan tetap).
Bilangan Kekosongan	:	**Satu (1) orang**
Tempat Kekosongan	:	**Ibu Pejabat Kuching, Sarawak**
Gred & Gaji Permulaan	:	**Gred C2: RM1,750.00**

SYARAT UMUM

1. Warganegara Malaysia, bermastautin di Sarawak.
2. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup permohonan.
3. Boleh berkomunikasi dan menulis dengan fasih/baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
4. Mempunyai kemahiran menggunakan aplikasi Microsoft Office (Word, Excel, Powerpoint).
5. Mempunyai kemahiran dalam pemasaran, penggunaan aplikasi Canva serta teknologi kecerdasan buatan (AI) adalah satu kelebihan.
6. Mempunyai personaliti yang baik, berintegriti, bertanggungjawab, bermotivasi tinggi, komited terhadap tugas yang diberikan serta berpenampilan kemas dan profesional.
7. Mempunyai kenderaan sendiri.
8. Keutamaan diberikan kepada calon di kawasan operasi pejabat.
9. Lepasan graduan digalakkan untuk memohon.

SYARAT AKADEMIK

1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja **atau**
2. Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia **atau**
3. Memiliki Diploma dari Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, dalam mana-mana bidang yang boleh memberikan kelebihan**.**

CARA MEMOHON

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan surat permohonan, resume terkini yang lengkap, sekeping gambar berukuran pasport (tidak akan dikembalikan), salinan MyKad, salinan sijil akademik serta salinan sijil-sijil berkaitan. Semua dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan ditandakan **"JAWATAN KERANI"** di penjuru kiri atas sampul surat sebelum dihantar kepada:

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD
NO. 16 – 20, WISMA KOPERKASA,
JALAN SIMPANG TIGA,
93300 KUCHING,
SARAWAK.

ATAU

Permohonan boleh dihantar melalui emel ke **hr@koperkasa.com.my** dengan subjek "**JAWATAN KERANI"**

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temu duga.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan hendaklah diterima selewat-lewatnya pada **30 Oktober 2026 (Jumaat),** sebelum jam **3:00 petang**.